



IBU PEJABAT
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
No.2, Lebuhr Wawasan
Presint 7
62250 PUTRAJAYA



Tel : 03-8870 0000
Faks : 03-8870 0901
<http://www.sprm.gov.my>

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : SPRM.BPIA.600-9/3/1 Jld. 29 (78)
Tarikh : 28 Jamadilawal 1445H
11 Disember 2023

Ketua Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP)

No. 1-A, Blok A, Menara PKNP
Jalan Meru Casuarina
30020 Ipoh, Perak

YBhg. Tan Sri /Datuk Sri /Dato' Sri /Datuk /Dato' /Tuan /Puan,

**PEMAKLUMAN STATUS PENARAFAN SEMULA RISIKO TAHUN 2023 –
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK (PKNP)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana dinyatakan di dalam perenggan 6 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) Ceraian SP.1.2.1 menetapkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penarafan risiko ke atas agensi awam pada setiap tiga (3) tahun sekali. Penarafan terdahulu telah dibuat pada tahun 2020 di mana PKNP telah ditarafkan sebagai risiko **TINGGI**.

3. Berdasarkan data-data yang diperolehi daripada pihak SPRM bagi tempoh 2020 hingga 2022 dan juga maklumat yang dibekalkan oleh pihak PKNP sendiri, hasil penarafan semula risiko tahun 2023 telah mendapati PKNP dikategorikan sebagai risiko **SEDERHANA**.

4. Suruhanjaya ini merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada pihak PKNP di atas komitmen yang telah dilaksanakan dalam usaha pencegahan rasuah di PKNP sepanjang tempoh tiga (3) tahun yang lepas sehingga ditarafkan sedemikian. Pihak SPRM juga berharap agar komitmen yang sama dapat diteruskan dalam usaha mengurangkan risiko rasuah pada masa akan datang.

“RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA”

5. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak PKNP boleh menghubungi:

**Pengarah
Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA)
Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Aras 12, Blok A, No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7
62250 Wilayah Persekutuan Putrajaya
E-mel : t1@sprm.gov.my**

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' NOR AZMI BIN KARIM)

Pengarah
Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA)
b.p. Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia